

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 09 DISEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Dr. Azmi diiktiraf Saintis Terbaik Negara	Berita Harian
2.	Dr Azmi Saintis Terbaik Negara	Harian Metro
3.	Pensyarah UTP diiktiraf Saintis Terbaik Negara	BERNAMA
4.	Malaysian researchers for Antarctica mission	Malay Mail
5.	Axiata, MAVCAP salur dana RM12.5j	Berita Harian
6.	Axiata, MAVCAP labur RM12.2j dalam ADIF	Harian Metro
7.	Corporates urged to venture into startup funding	Malay Mail
8.	Tengah murder suspects held under Prevention of Crime Act	Malay Mail
9.	Agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera beri impak RM60 bilion dalam pelbagai aspek	BERNAMA
10.	'Mengkuang Starbucks' antara tarikan sempena pameran kreatif wanita di PWTC	BERNAMA
11.	With IoT, retailing now is entire new supply chain game	New Straits Times

Dr Azmi diiktiraf Saintis Terbaik Negara

» *Beri
sumbangan
dalam bidang
penyelidikan*

► **Kuala Lumpur**

Profesor Dr Azmi Shariff daripada Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) diiktiraf sebagai Saintis Terbaik Negara (TRSM) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) atas sumbangan signifikan dalam bidang penyelidikan.

UTP dalam kenyataannya semalam, menyatakan Azmi mempunyai kelebihan serta kelayakan untuk diiktiraf sebagai saintis penyelidikan pertama daripada UTP, yang di-

beri penghormatan seumpama itu.

Menurut kenyataan itu, Azmi adalah di antara 14 saintis terbaik yang diiktiraf ASM.

Sehingga kini, 110 penyelidik dan saintis adalah antara sebahagian daripada pangkalan data TRSM dengan 99 daripada mereka adalah daripada universiti awam, lima (universiti swasta) manakala bakinya daripada institut penyelidikan.

Kumpulan perintis

Semangat Azmi untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi timbul sejak beliau mengikuti pengajian prasiswazah apabila menjadi sebahagian daripada kumpulan perintis program Ijazah Kejuruteraan Kimia di UTP.

"Selepas tamat pengajian,

Azmi menjawat jawatan Pegawai Penyelidik dan terbabit dalam persekitaran penyelidikan serba mencabar.

"Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang 'Process Integration' di Victoria University of Manchester, United Kingdom dan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Kimia di University of Leeds, UK," menurut UTP.

Azmi kini dipertanggungjawab menerajui Pusat Penyelidikan Carbon Dioxide (CO₂) Capture Research dan Advanced Process Safety Research, terlibat secara langsung dalam pelbagai projek penyelidikan terutamanya industri minyak dan gas.

Menurut kenyataan itu, Azmi kini mengendalikan dua projek

utama dalam pengurusan CO₂ serta proses reka bentuk keselamatan bagi industri.

Suatu pengiktirafan

Sementara itu, Azmi berkata, pengiktirafan TRSM adalah penghormatan terhadap usaha dan sumbangan beliau ke arah memenuhi pencapaian standard yang ditetapkan ASM.

"Harapan saya agar pengiktirafan ini akan jadi perangsang kepada penyelidik dan saintis lain terutama daripada UTP untuk berusaha keras dalam bidang serta kepakaran masing-masing supaya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara menerusi bidang penyelidikan," katanya.

TRSM yang diperkenalkan ASM lima tahun lalu, bertanggungjawab mengenal pasti serta mengiktiraf saintis penyelidikan terkemuka yang aktif menghasilkan pengetahuan baharu bagi memperkenalkan penemuan terkini selain mempunyai potensi sebagai penyumbang kepada transformasi sosio ekonomi negara.

BERNAMA

Dr Azmi Saintis Terbaik Negara

Kuala Lumpur: Profesor Dr Azmi Shariff daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) diiktiraf sebagai Saintis Terbaik Negara (TRSM) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) atas sumbangan signifikan dalam bidang penyelidikan.

UTP dalam satu kenyataan menyatakan Azmi mempunyai kelebihan serta kelayakan untuk diiktiraf sebagai saintis penyelidikan pertama daripada UTP yang diberi penghormatan seumpama itu.

Menurut kenyataan itu, Azmi adalah seorang daripada 14 saintis terbaik yang diiktiraf ASM.

Sehingga kini, 110 penyelidik dan saintis antara sebahagian daripada pangkalan data TRSM dengan 99 daripada mereka adalah daripada universiti awam, lima (universiti swasta) manakala bakinya daripada institut penyelidikan.

Semangat Azmi menjalankan penyelidikan dan inovasi timbul sejak beliau mengikuti pengajian prasiswazah apabila menjadi sebahagian daripada kumpulan perintis program Ijazah Kejuruteraan Kimia di UTP.

"Setelah tamat pengajian, Azmi memegang jawatan Pegawai Penyelidik dan terbabit dalam persekitaran penyelidikan serba mencabar.

"Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian peringkat Ijazah

“Setelah tamat pengajian, Azmi memegang jawatan Pegawai Penyelidik dan terbabit dalam persekitaran penyelidikan serba mencabar”

UTP

Sarjana dalam bidang 'Process Integration' di Victoria University of Manchester, United Kingdom dan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Kimia di University of Leeds, UK," menurut UTP.

Azmi kini yang dipertanggungjawabkan menerajui Pusat Penyelidikan Carbon Dioxide (CO₂) Capture Research dan Advanced Process Safety Research, terbabit secara langsung dalam pelbagai projek penyelidikan terutamanya industri minyak dan gas.

Menurut kenyataan itu, Azmi kini terbabit mengendalikan dua projek utama dalam pengurusan CO₂ serta proses reka bentuk keselamatan bagi industri.

Sementara itu, Azmi berkata, pengiktirafan yang diberi TRSM adalah suatu penghormatan terhadap usaha dan sumbangan beliau ke arah memenuhi pencapaian standard yang ditetapkan ASM. - Bernama

